

22/01/1997

Cegah pendatang jadi peniaga

M Noh Senan

KUALA PILAH, Selasa - Penguasa tempatan di negara ini digesa mengetatkan penguatkuasaan terhadap pendatang yang cuba mengambil kesempatan menjadi penjaja dan peniaga kecil, terutama menjelang perayaan berganda tidak lama lagi.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata pihak berkuasa tempatan jangan berlengah menghalang golongan terbabit menjalankan perniagaan di kawasan yang menjadi tumpuan awam.

"Di kawasan bandar, mereka dikesan sentiasa bergerak dari satu tempat ke suatu tempat untuk menjalankan kegiatan perniagaan.

"Apabila menjelang perayaan, mereka ini muncul bagai cendawan selepas hujan dengan mengambil kesempatan daripada kemeriahan orang ramai menyambut hari kebesaran," katanya.

Beliau menyatakan demikian selepas melawat Kampung Baru Parit Tinggi dan Kampung Baru Bukit Gelugor di sini, malam tadi.

Dr Ting berkata, pihak berkuasa tempatan perlu berhati-hati dalam menangani perkembangan ini kerana lesen perniagaan adalah untuk warganegara yang layak saja.

"Bagaimanapun, kita diberitahu bahawa ada penjaja dan peniaga kecil masih memajak lesen yang dikeluarkan oleh kerajaan tempatan kepada pendatang.

"Tindakan mereka itu bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan. Lesen yang dikeluarkan adalah untuk rakyat negara ini dan bukan untuk warga asing," katanya.

Beliau berkata, mengikut data kementerian, sejumlah 200,000 lesen dikeluarkan kepada golongan penjaja dan peniaga kecil di negara ini.

"Pihak berkuasa tempatan boleh menarik balik lesen penjaja yang dipajak kepada orang lain," katanya.

Katanya, pihaknya bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi memastikan lesen perniagaan hanya dikeluarkan kepada rakyat tempatan.

Mengenai kempen penghijauan, beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan program berkenaan 3 Mac depan.

Menurutnya, semua kerajaan negeri dijangka melancarkan program itu serentak pada hari sama.

Dr Ting juga mengumumkan peruntukan RM150,000 bagi kemudahan asas untuk lapan kampung baru di Kuala Pilah.

(END)